

Minat dalam bidang muzik mahupun seni pastinya mencetus keinginan buat segolongan anak muda mendalami cabang kreatif ini di peringkat ijazah. Meskipun kelulusan diploma awal mereka dalam bidang lain, tiada yang menghalang mereka mengejar cita-cita dalam dunia seni yang mencetus pelbagai ilham. Wartawan **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg) melaporkan.

# Petik gitar demi ubati perit ditinggal ayah

GITAR bukan setakat penghibur buat Encik Muhammad Suhairi Mohd Hamzah.

Bahkan, alat muzik itu menjadi pengubat duka sejak memasuki usia remaja tanpa kasih sayang ayah yang hilang entah ke mana.

Melihatkan ibunya, Cik Suppiah Johur Ali, yang menghidapi penyakit darah tinggi bertungkus-lumus menjual kuih Melayu di gerai sekitar Woodlands dan Chua Chu Kang silih berganti tatkala itu, membuatnya bertekad enggan menghampakan sang ibu.

Kini, pelajar diploma kejuruteraan mekatronik berusia 20 tahun itu mampu membanggakan Cik Suppiah, 52 tahun, dengan dua Anugerah Pengiktirafan Bakat dan Pencapaian Pelajar (Star) Politeknik Nanyang (NYP) yang diraih baru-baru ini.

Anugerah Emas diterimanya bagi pencapaian individu, manakala anugerah perak pula diraih bagi mewakili Kegiatan Kokurikulum (CCA), Kelab Gitar NYP.

Beliau presiden kelab gitar tersebut, yang berperanan menjaga hal ehwal latihan dan kebajikan 60 anggota.

Anugerah Star diperkenal pada 2013 oleh NYP bagi mengesahkan dan mengiktiraf pelajar politeknik tersebut yang memiliki bakat dan kecenderungan khas dalam bidang bukan akademik, baik seni dan budaya, khidmat kemasyarakatan, inovasi dan daya kreatif, kepimpinan mahupun sukan dan kembara.

Penerimanya juga memiliki kewibawaan dan banyak menyumbang ke arah usaha menjadikan kehidupan di kampus NYP lebih ceria

“Memetik gitar ini membuatkan saya lupakan masalah buat seketika. Ia memberi saya keyakinan diri dengan kebolehan saya.”

– Encik Muhammad Suhairi Mohd Hamzah, penganjur muzik dan gitar.

dan meriah.

Dengan minat mendalamnya terhadap gitar dan muzik, Encik Muhammad Suhairi juga menyimpan hasrat mengikuti pengajian ijazah dalam bidang muzik selepas tamat Perkhidmatan Negara (NS) kelak.

Namun, beliau tetap selesa dengan bidang mekatronik yang mengajarnya tentang dunia memprogram komputer dan menjana idea teknikal yang membuka minda.

Beliau malah tidak canggung bekerja dalam bidang kejuruteraan mekatronik bagi menambah pengalaman.

Namun, di sudut kecil hatinya, tetap tersimpan hasrat ingin mendalami bidang muzik.

“Sebelumnya, memang saya belajar main gitar sendiri. Saya ambil gitar tong abang bagi mengubati kebosanan dan kemurungan melihatkan ayah lesap daripada kehidupan kami tanpa sebarang pesan atau berita.

“Waktu itu, umur saya baru 10 tahun. Kami sempat buat laporan polis. Kami pun terpaksa menumpang di rumah pak cik. Kehidupan sukar

ketika itu.

“Hingga ke hari ini, saya tidak bertemu ayah lagi, tetapi masih ingat detik-detik dia mengajar saya memasak di dapur.

“Saya kasihan melihat emak yang sakit-sakit tetapi terus bekerja di gerai kerana ingin menyekolahkan saya dan abang-abang. Kakak pula sudah berumah tangga ketika itu,” kongsi anak bongsu keluarga empat beradik itu.

Dengan wang simpanan dan hasil pendapatan pekerjaan sambilan, Encik Muhammad Suhairi membeli gitar tong yang pertama ketika memasuki NYP dan ingin menyertai Kelab Gitar institusi itu.

“Saya belanja \$100 bagi gitar tersebut. Tapi awal tahun ini, alhamdulillah saya dapat keluaran lagi simpanan peribadi saya sebanyak \$500 bagi membeli gitar elektrik dan peralatan lain pula kerana saya sudah mula belajar teroka irama yang lebih canggih,” jelasnya.

Sebagai Presiden Kelab Gitar, beliau perlu menguruskan 60 anggota dan menyusun jadual latihan. Beliau juga memastikan mereka selesa dan

dapat memperbaiki kemahiran.

“Cabaran utama adalah menjaga hubungan anggota kelab ini dan memahami cita rasa mereka. Saya juga harus pastikan latihan yang diadakan tidak membosankan. Kami sama-sama memerlukan bagi perancangan konsert tahunan Kelab Gitar.

“Tahun ini sahaja, kami bekerjasama dengan Kelab Harmonika Berkumpulan, Kelab Piano Berkumpulan dan Kelab Nyanyian Song Card di NYP. Banyak usulan program dan aktiviti yang perlu diketengahkan.

“Tapi dengan adanya pencapaian Anugerah Star, ia memberi semangat buat saya. Ia menunjukkan betapa Kelab Gitar ini maju dengan kegiatan tersendiri.

“Saya sendiri lebih yakin dengan kebolehan saya memimpin dan mengenalkan program seperti ujian teori sebagai pembakar semangat anggota baru kelab,” ujarnya.

Beliau juga belajar mencipta lagu dan mendalami kemahiran membaca nota.

“Memetik gitar ini membuatkan saya lupakan masalah buat seketika. Ia memberi saya keyakinan diri dengan kebolehan saya. Bagi menjadi pemain gitar yang baik, saya perlu tanamkan kecekalan dan ketepatan memetik gitar mengikut nota. Penampilan diri di pentas juga mustahak.

“Kelab Gitar ini juga mengajar saya tentang erti berurusan secara berkesan dengan anggota lain.

“Saya cuba memahami keperluan mereka dan mewujudkan rasa keterujaan menyertai kelab ini,” katanya, yang meminati gitaris legenda seperti Man Kidal dari Malaysia, Yngwie Malmsteen dari Sweden dan Guthrie Govan dari Britain.



**IRAMA PENAWAR DUKA:** Pelajar diploma kejuruteraan mekatronik Politeknik Nanyang, Encik Muhammad Suhairi Mohd Hamzah, bertekad mengikuti ijazah bidang muzik setelah terpaut dengan hobi memetik gitar selepas ayah hilang tanpa khabar berita. – Foto HARYANI ISMAIL